



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 5 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MALAYSIA SASAR 100,000 TAN METRIK DAGING TEMPATAN MENJELANG 2030, NASIONAL, SH -9 100,000 TAN METRIK DAGING LEMBU SETAHUN, NEGARA, KOSMO -6 MALAYSIA NEEDS 200,000 TONNES OF BEEF A YEAR TO MEET DEMAND, NATION, THE STAR -8 KERAJAAN MAHU TINGKATKAN HASILAN DAGING NEGARA LEBIH 100,000 TAN METRIK PADA 2030, DALAM NEGERI, UM -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5.	PANTAI KOTOR, PENYU MALAYSIA LARI KE VIETNAM, RENCANA, UM -14 & 15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	BROKER PADI TAWAR HARGA LEBIH TINGGI, DALAM NEGERI, UM -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7. 8.	TERGODA BAU MANIS MADU, LOKAL, HM -17 RUGI 40,000 SARANG KELULUT DIMUSNAH BERUANG, NASIONAL, BH -20	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	BEKALAN BERAS TEMPATAN DITERIMA DUA KALI SEBULAN, DALAM NEGERI, UM -7 ALMOST 3,000 FARMERS AFFECTED BY HOT WEATHER, NATIONAL, THE SUN -4 PERUNTUK RM1.8 JUTA BANTU PESAWAH, NEGARA, KOSMO -14 2,000 PETANI TERJEJAS AKIBAT KEMARAU, KOTA BHARU, SH -26 TIADA LAGI KELIBAT SEBARAU, LAMPAM, NEGARA, KOSMO -17 TEMPAHAN LEMBU KORBAN MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -31 NELAYAN BIMBANG BETING PASIR SEMAKIN LUAS DI SUNGAI PERAK, DALAM NEGERI, UM -31 DUA KALI SEBULAN HANTAR 100 KAMPIT, NEGARA, KOSMO -16 MAKAN PULUT HARUM MANIS DALAM LADANG TARIK PELANCONG, NEGARA, KOSMO -15	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

Malaysia sasar 100,000 tan metrik daging tempatan menjelang 2030

BACHOK - Kerajaan menyasarkan sebanyak 100,000 tan metrik pengeluaran daging tempatan menjelang 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sasaran itu diharap dapat dicapai 100 peratus dalam masa terdekat atau sekurang-kurangnya 50 peratus.

“Negara memerlukan 200,000 tan metrik daging lembu setahun bagi keperluan rakyat dan masih perlu mengimport 80 peratus daging bagi memenuhi permintaan.

“Bekalan daging ketika ini adalah sekitar kira-kira 20 peratus bersamaan 47,000 tan metrik,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja rasmi dan merasmikan HL Agro Farm KB Sdn Bhd di Kampung Sri Kemunting, Gunong di sini pada Selasa.

Mohamad berkata, bagi mengurangkan import serta kebergantungan daging dari luar negara pada masa akan datang, kerajaan akan membantu meningkatkan jumlah ternakan dan penghasilan.

“Kerjasama dengan negeri penting kerana tanah milik kerajaan negeri seperti tanah ladang di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor masih banyak boleh diusahakan,” jelasnya.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian memberi jaminan bekalan daging lembu untuk korban pada Aidiladha nanti mencukupi termasuk memberi jaminan tidak berlaku peningkatan harga daging yang ketara.

- *Bernama*

100,000 tan metrik daging lembu setahun

BACHOK – Kerajaan menyasarkan pengeluaran hasil daging lembu negara meningkat kepada lebih 100,000 tan metrik setahun pada 2030 berbanding 47,000 tan metrik yang dihasilkan setiap tahun ketika ini.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, negara sebenarnya memerlukan daging lembu kira-kira 200,000 tan metrik bagi menampung permintaan penduduk sepanjang setahun.

Menurutnya, jumlah 100,000 tan metrik mampu dicapai menerusi sokongan moral, kepakaran dan pembiayaan kepada mereka yang bersungguh-sungguh untuk mencapai sasaran itu.

"Kerajaan Pusat turut mengharapkan kerjasama kerajaan negeri untuk memberi peluang kepada penternak yang mahu membuka ladang-ladang baharu.

"Tanah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri. Banyak tanah tanah berpotensi untuk diusahakan bagi ternakan lembu di Kelantan, Terengganu dan Johor," katanya kepada pemberita selepas Majlis Lawatan Kerja Rasmi dan Perasmian HL Agro Farm KB Sdn. Bhd. di Kampung Sri Kemunting, Gunung, di sini semalam.

Tambahnya, kementerian turut meminta pengusaha sedia ada untuk meningkatkan lagi jumlah pengeluaran mereka kerana bidang penternakan mempunyai masa depan cerah.

"Setakat ini, bekalan lembu korban di negara ini mencukupi dan mampu menampung permintaan umat Islam sempena Hari Raya Aidiladha," ujarnya.



MOHAMAD (kiri) meninjau lembu baksa Kedah-Kelantan di HL Agro Farm KB Sdn. Bhd. di Kampung Sri Kemunting, Gunung dekat Bachok semalam.



Farm visit: Mohamad visiting one of the cattle farms after the opening of HL Agro Farm KB Sdn Bhd yesterday. — Bernama

Malaysia needs 200,000 tonnes of beef a year to meet demand

BACHOK: Malaysia still needs 200,000 tonnes of beef per year to meet the needs of the people, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said that to meet the demand, the government aims to produce 100,000 tonnes of beef by 2030.

According to him, Malaysia still needs to import 80% of meat to meet the people's demand.

"The production of beef cattle in our country is still below 20%, equivalent to 47,000 tonnes.

"It is still a long way to go before we reach 100%," he told reporters after opening of HL Agro Farm KB Sdn Bhd with the farming community in Kampung Sri Kemunting, Gunong, yesterday, Bernama reported.

Mohamad said that in order to reduce the import and dependence of beef from abroad in the future, the gov-

ernment will help increase the number of animal husbandry and production.

"Cooperation with the state government is important because the land belongs to the state government, such as the farms in Kelantan, Terengganu, Pahang and Johor. There is still a lot that can be cultivated.

"If everyone works together, we will be able to reach the target of 100% in the near future, at least able to reach 50% even though it is not easy to do," he said.

Commenting further, Mohamad said the government also channelled allocations to farmers who had just started their businesses by providing assistance of about RM20,000 per person.

He also assured that the supply of sacrificial beef for the coming Hari Raya Aidiladha will be sufficient, including assurances that there will be no significant increase in the price of meat.

Broker padi tawar harga lebih tinggi

Oleh MUHAMMAD AMY AHMAD
di Kluang, Johor

AGOR SETAR - Isu berkaitan beras putih tempatan yang didakwa dibungkus pengilang sebagai beras putih import, semakin hangat di kalangan petani padi untuk menjual padi kepada pihak yang telus.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, seorang petani yang telah lama berkecimpung dalam bidang pertanian padi berkata, beliau telah mengalami kerugian yang mendalam apabila mendapati bahawa beras yang dijual kepadanya adalah beras import yang telah dibungkus sebagai beras tempatan.

yang dibungkus sebagai beras import berada di luar kawalan petani kerana sebagai penjual beras putih tempatan, mereka terpaksa membeli beras putih tempatan yang menawarkan harga lebih tinggi.

"Bagi menampung kos input padi termasuk baja, racun dan tenaga, kami terpaksa menjual beras kami pada harga yang lebih tinggi," katanya. Beliau berkata, beliau telah mengalami kerugian yang mendalam apabila mendapati bahawa beras yang dijual kepadanya adalah beras import yang telah dibungkus sebagai beras tempatan.

RM1,500 setiap musim," katanya ketika ditemui semalam. Beliau berkata, beliau telah mengalami kerugian yang mendalam apabila mendapati bahawa beras yang dijual kepadanya adalah beras import yang telah dibungkus sebagai beras tempatan.

Beliau berkata, beliau telah mengalami kerugian yang mendalam apabila mendapati bahawa beras yang dijual kepadanya adalah beras import yang telah dibungkus sebagai beras tempatan.

Seorang lagi petani, Zamri, 50-an, turut mengakui dia didedat orang tengah atau broker yang menawarkan harga lebih tinggi untuk membeli beras tempatan.

"Kos input padi bukan setinggi yang orang tengah katakan," katanya. Beliau berkata, beliau telah mengalami kerugian yang mendalam apabila mendapati bahawa beras yang dijual kepadanya adalah beras import yang telah dibungkus sebagai beras tempatan.

beras yang berharga RM40 ke atas bagi kimpit 10 kilogram," katanya.

Sementara itu, Pengurus Bahagian Padi, Kementerian Pertanian MUDA, Che Anis Mat Zain berkata, pihak berkuasa tempatan Kuali Sella Padi dan Beras perlu melihat gandingan tindakan dengan petani untuk memastikan mereka mendapat harga yang adil.

"Kalau sudah terlepas masuk ke kilang, sukar untuk kita tentukan sama ada ia memang beras tempatan atau import," katanya. Beliau berkata, beliau telah mengalami kerugian yang mendalam apabila mendapati bahawa beras yang dijual kepadanya adalah beras import yang telah dibungkus sebagai beras tempatan.



MUHAMMAD Suhu (dua kiri) melihat lembu baka Kedah-Kelantan yang dipelihara di Agropark Kluang. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

Kerajaan mahu tingkatkan hasilan daging negara lebih 100,000 tan metrik pada 2030

BACHOK - Kerajaan mahu meningkatkan penghasilan daging negara lebih 100,000 tan metrik setahun pada 2030 berbanding 47,000 tan metrik ketika ini.

Beliau berkata, kerajaan akan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran daging negara, termasuk meningkatkan pengeluaran daging babi, ayam, ikan, dan daging lembu.

Ujaranya, pihak Kementerian Pertanian akan meningkatkan pengeluaran daging negara dengan melaksanakan pelbagai inisiatif.

Beliau berkata, kerajaan akan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran daging negara, termasuk meningkatkan pengeluaran daging babi, ayam, ikan, dan daging lembu.

Agropark Kluang Sdn. Bhd. di Kemuning, Gunung, Kelantan semalam.

Mohamad berkata, beliau telah mengalami kerugian yang mendalam apabila mendapati bahawa beras yang dijual kepadanya adalah beras import yang telah dibungkus sebagai beras tempatan.

Bekalan beras tempatan diterima dua kali sebulan

KLUANG - Isu berkaitan beras tempatan dalam pasaran terus menghangatkan penduduk apabila watanun terpaksa menjual beras tempatan mereka pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

Kendian itu membuatkan orang ramai terpaksa membeli beras import yang dijual lebih mahal daripada beras tempatan. Beliau berkata, beliau telah mengalami kerugian yang mendalam apabila mendapati bahawa beras yang dijual kepadanya adalah beras import yang telah dibungkus sebagai beras tempatan.

Seorang pekerja sebuah pasar raya, Rodin Afrini, 35, berkata, bekalan beras tempatan di tempatnya ketika ini adalah bekalan beras tempatan yang diterima dua kali sebulan.



Isu berkaitan bekalan beras tempatan dalam pasaran terus menghangatkan penduduk apabila watanun terpaksa menjual beras tempatan mereka pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

UTUSAN: Adakah fenomena penyu 'merajuk' sehingga bertelur di pantai negara lain dan bukan di tempat asalnya dianggap luar biasa?

MOHD. UZAIR: Sejak di dalam telur, penyu memiliki iaitu pengetahuan asal usul (*natal homing*) melalui medan magnet bumi yang diturunkan oleh si ibu.

Jadi, apabila ia menetas dan keluar dari sarang, anak penyu sudah tahu 'rumah' mereka dan akan kembali semula ke pantai itu untuk bertelur apabila sudah matang.

Ini juga boleh dikaitkan dengan *innate behaviour* yang diwariskan bahawa medan magnet bumi itu adalah mesej daripada ibu penyu tetapi perkara itu sukar dibuktikan.

Namun, secara semula jadi, anak penyu akan balik semula ke tempat asal mereka dalam tempoh matang iaitu 10, 15 atau 20 tahun kemudian untuk bertelur.

Dalam kes ini, penyu terbahit ialah penyu muda yang pertama kali direkodkan bertelur di Pulau Redang pada Mei 2019. Selepas itu tiada lagi rekod sehingga dilaporkan bertelur di pantai Vietnam, baru-baru ini. Jadi, kenapa penyu ini tidak pulang ke pantai asalnya?

Pantai asal di sini bermaksud kembali kepada populasi di Pulau Redang. Kita boleh terima jika ia bertelur di pantai sepanjang Pulau Redang kerana medan magnet bumi sentiasa berubah setiap tahun.

Berdasarkan data satelit, penyu yang kami jejak berenang ke pelbagai arah seperti ke Singapura melalui Pulau Tioman, ada yang merentasi perairan Taman Negara Talang Satang di Sarawak sehingga ke Brunei malah ada yang naik ke Teluk Siam.

Kajian saintifik membuktikan penyu ialah spesies yang mampu menyesuaikan diri, namun harus diingat, perubahan iklim dunia hari ini agak drastik dan tidak pernah dihadapi ketamadunan manusia.

Persoalannya, adakah ciri-ciri keampuhan penyu dapat mengadaptasi perubahan dan jika mampu, mengapa penyu Terengganu terus bertelur di pantai Vietnam tetapi tidak di pantai Setiu, Besut, di Kelantan atau di Thailand terlebih dahulu?

Apakah faktor-faktor menyebabkan perkara ini berlaku?

Ketika perubahan iklim dunia pada 2013, wujud teori bahawa spesies penyu akan mengadaptasi kepada perubahan cuaca. Ini bermakna

Pantai kotor, penyu Malaysia lari ke Vietnam

MUKADIMAH

KEJADIAN seekor penyu agar dari Terengganu yang bertelur di pantai Vietnam, baru-baru ini membimbangkan penyelidik sehingga timbul kemungkinan reptilia berkenaan akan pupus di negara ini.

Fenomena berkenaan juga menimbulkan persoalan, adakah spesies penyu sudah tidak mahu lagi bertelur di Terengganu atau di pantai negara ini?

Bagi mendapat gambaran terperinci, wartawan *Utusan Malaysia*,

TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF menemu bual Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu, **PROFESOR MADYA DR. MOHD. UZAIR RUSLI**, baru-baru ini.



Jadi, kita boleh katakan salah satu teori punca penyu mengubah tempat ia bertelur adalah disebabkan perubahan iklim."

sekiranya perairan Terengganu panas, ia akan migrasi ke perairan yang bersuhu selesa.

Penyu ialah haiwan sezaman dinosaur tetapi dinosaur sudah pupus sedangkan

penyu masih ada. Secara tidak langsung, ini menunjukkan ciri-ciri keampuhan yang boleh membantu penyu 'terselamat'.

Jadi, kita boleh katakan salah satu teori punca penyu mengubah tempat ia bertelur adalah disebabkan perubahan iklim.

Kedua, berkemungkinan faktor halangan fizikal di dalam air seperti aktiviti perikanan, iaitu pukut tunda atau penerokaan cari gali minyak di dasar laut yang membuatkan penyu takut dan terganggu untuk berenang di perairan kita sehingga ia terpaksa ke pantai Vietnam.

Teori ketiga berpendapat, penyu yang bertelur

di pantai Vietnam ini adalah kes terpencil, iaitu berkemungkinan terdapat kecederaan fizikal menyebabkan ia tidak boleh mengesan medan magnet bumi yang memberitahu 'rumah' mereka.

Atau teori keempat, iaitu gangguan medan magnet bumi berlaku disebabkan aktiviti matahari tidak normal sehingga mempengaruhi atmosfera bumi tetapi itu sepatutnya memberi kesan kepada semua jenis haiwan. Jadi, teori ini boleh ditolak.

Apabila disebut mengenai teori atau punca kejadian ini berlaku, ia berkait rapat dengan aktiviti konservasi

dan pemuliharaan penyu di Malaysia yang terlalu memberi perhatian di daratan tetapi adakah kita sedar apa yang berlaku di lautan?

Jika keadaan ini berterusan, adakah kemungkinan penyu di negara ini bakal pupus?

Tidak mustahil. Kita perlu ambil iktibar atau pengajaran daripada kepupusan penyu spesies belimbing. Pada awal 1980-an, kerajaan membuat gesaan untuk menyelamatkan penyu belimbing yang merupakan ikon negeri Terengganu.

Unit Penyelidikan Penyu (SEATRU) kemudian ditubuhkan di Rantau Abang, Dungun pada 1984 bertujuan membantu Jabatan Perikanan, namun kefahaman dalam bidang sains dan marin ketika itu sangat terhad sehingga awal 1990-an, baru dunia tahu jantina penyu ditentukan oleh suhu ketika proses pengeraman.

Kali terakhir penyu belimbing direkodkan bertelur ialah pada 2017, malangnya tidak disenyawakan sehingga tidak cukup penyu belimbing jantan dan pupus secara fungsi atau (*functional extinction*) sampai ke hari ini.

Pupus secara fungsi bermaksud kita tidak sahkan pupus secara total tetapi bilangan penyu belimbing di lautan ketika ini tidak lagi mampu untuk meneruskan fungsi ekologi spesies berkenaan.

Apa yang kita boleh kaitkan dengan situasi yang berlaku sekarang ini ialah kita harus menggandakan usaha meningkatkan pemahaman sains bagi mengelak penyu diancam kepupusan gara-gara ancaman tertentu.

Bagaimana cara untuk mengatasi masalah ini?

Terdapat 52 pantai pendaratan penyu di Terengganu dan hampir kesemua dijaga renjer atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang aktif dalam aktiviti pemuliharaan penyu dan ini membuktikan kesiapsiagaan kita di daratan.

Namun, harus diingat bahawa 99 peratus usia penyu adalah di laut dan saya ingin bertanya lagi, apakah usaha kita untuk haiwan ini ketika ia berada di dalam air?

Ini boleh dikaitkan dengan pewartaan Kawasan Perlindungan Marin (MPA)



KAJIAN saintifik membuktikan penyu ialah spesies yang mampu menyesuaikan diri, namun, perubahan iklim dunia hari ini agak drastik dan tidak pernah dihadapi ketamadunan manusia. - AFP

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	RENCANA	15



di Malaysia yang masih rendah sekitar lima peratus berbanding standard antarabangsa.

Dengan keluasan wilayah maritim Malaysia, ini adalah masa terbaik semua pihak membantu usaha kerajaan dan penyelidik menyelamatkan

penyu dengan menampung kekurangan usaha pemuliharaan di lautan.

Sebagai negara maritim yang berpotensi dalam pembangunan ekonomi biru, kita boleh mengajak syarikat cari gali minyak untuk meningkatkan sumbangan

bagi memastikan kelestarian laut Malaysia.

Bantuan entiti korporat diperlukan kerana usaha meningkatkan MPA memerlukan kos yang tinggi melibatkan kajian atau penyelidikan berterusan dan kita mahukan komitmen lima

sehingga 15 tahun bagi tujuan itu.

Aktiviti seperti pembersihan pantai sahaja tidak cukup sebaliknya syarikat-syarikat besar perlu membantu menaik taraf fasiliti penyelidikan dan pantai pendaratan penyu sekali gus

menjadikan biodiversiti marin sebagai keutamaan.

Bukan mahu menempek sebalik saya ingin mengajak semua pihak bersatu sebelum ini dianggap perlu digalas oleh Jabatan Perikanan sahaja.

Apakah usaha SEATRU bagi meningkatkan usaha konservasi dan pemuliharaan penyu di Terengganu?

SEATRU memfokuskan kepada tiga aktiviti utama iaitu pengurusan konservasi penyu, penyelidikan saintifik dan pendidikan awam.

Pada 1993, Stesen Penyelidikan Alami Penyu (SPAP) ditubuhkan dan aktiviti konservasi dimulakan di Pantai Chagar Hutang, Pulau Redang sepanjang 350 meter terletak di bahagian paling utara pulau itu.

Pantai ini menerima pendaratan penyu spesies agar serta spesies karah sepanjang tahun dan dilengkapi fasiliti asas seperti kuarters petugas, sukarelawan dan galeri penyelidikan.

SPAP beroperasi sepanjang tahun melalui pengawasan dua orang renjer yang dilantik dalam kalangan penduduk Pulau Redang.

Ketika musim tengkujuh,



UNIT Penyelidikan Penyu (SEATRU) berperanan menyokong Jabatan Perikanan Malaysia, yang bertanggungjawab dalam pemuliharaan penyu untuk mencapai objektif Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Pemuliharaan dan Pengurusan Penyu Malaysia. - SEATRU UMT

SPAP beroperasi secara minimum bagi meneruskan aktiviti pemantauan persarangan penyu dan pengawasan keselamatan aset tanpa kemasukan penyelidik mahupun orang

awam.

Sejak 1998, lebih 4,500 peserta menyertai program sukarelawan berbayar diperkenalkan SEATRU untuk menampung kos operasi SPAP bagi tujuan penandaan

persarangan penyu dan penyelidikan.

SPAP juga membuka peluang melalui pemberian permit lawatan harian secara percuma kepada pelancong di Pulau Redang untuk

melawat Pantai Chagar Hutang dan belajar ilmu asas berkaitan penyu serta aktiviti penyelidikan di SPAP.

Selain itu, kami berhasrat menjadikan Pantai Chagar Hutang sebagai Pusat Sains Penyu Negara yang boleh menempatkan galeri, ruang pameran atau kelas di luar bilik darjah tetapi kami tidak mampu bergerak sendiri.

Berapa jumlah sarang penyu yang direkodkan di Pantai Chagar Hutang setiap tahun?

Bermula 2019, jumlah sarang penyu di pantai pendaratan di Pantai Chagar Hutang menunjukkan peningkatan setiap tahun iaitu 1,523 kepada 1,731 pada 2020, 1,825 (2021) dan 2,180 (2022) sebelum sedikit menurun pada 2023 iaitu sebanyak 1,944 sarang.

Daripada jumlah sarang itu, kejayaan penetasan telur menunjukkan hampir 70 peratus membabitkan 1,594 ekor ibu penyu.

10 PESERTA PROJEK TERNAKAN KELULUT RUGI RM40,000 ANGKARA BERUANG

Tergoda bau manis madu

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Tanah Merah

Seorang 10 peserta Projek Ternakan Kelulut Berkelompok di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang di Kampung Air Asahan Hulu dan Kampung Asahan Tengah di sini kira-kira RM40,000 selepas sarang kelulut mereka dimusnahkan beruang matahari sekali sebulan lalu.

Seorang peserta projek berkenaan, Mohd Fadhil Ibrahim, 35, berkata, bermula awal Mei lalu sebanyak 36 daripada 140 lot kelulut yang diusahakan secara berkelompok dimusnahkan beruang matahari yang memasuki kawasan kebun mereka.

Menurutnya, kemungkinan habitai haiwan itu terganggu dan kesukaran mendapatkan makanan mendorong ia untuk keluar mencari makanan selain musim kering juga menyebabkan bau madu sangat kuat dan mudah dihidu beruang yang memiliki deria bau sensitif.

"Hampir semua lot kelulut yang dirosakkan boleh dituai hasilnya dan dijual di pasaran, namun kejadian di luar jangka menyebabkan kami kerugian RM28,000.

"Ini adalah pertama kali haiwan ini merosakkan tanaman yang diusahakan penduduk sejak dua tahun lalu dan walaupun dua beruang matahari betina dan

jantan sudah ditangkap jabatan Perlindungan Hewan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan dalam tempoh kurang seminggu namun kami tetap berjaga-jaga kerana masih terdapat seekor lagi beruang dipercayai anaknya berkeliaran di kawasan kampung.

"Bagaimanapun, saya berterima kasih kepada Perhilitan kerana bertindak pantas dengan mengadakan perangkap selepas aduan dibuat dan dengan tangkapan dua beruang ini memberi kelegaan kepada penduduk yang berada dalam kebimbangan selain mengelakkan menanggung kerugian berterusan, katanya di Kampung Air Asahan Hulu.

Bagi penduduk kampung, Abd Fatah Mat Yusoff, 54, berkata, sebelum ini dia pernah terserempak dengan haiwan itu ketika dalam perjalanan untuk ke kebun bagi memberi makan kepada lembu peliharaan.

"Walaupun pada ketika itu beruang matahari ini

tidak bertindak agresif dan hanya memandang saya daripada jauh, namun perasaan bimbang tetap ada.

"Beruang ini mungkin lapar dan datang ke kawasan perkampungan kami untuk mencari makanan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Nora'ini Yusoff, 65, berkata, dia sedikit lega dan kebangannya sebelum ini berakhir selepas melihat sendiri beruang itu masuk ke perangkap yang dipasang Perhilitan di belakang rumahnya.

"Sebelum ini, saya beberapa kali pernah terdengar bunyi bising di halaman rumah bermula jam 12 tengah malam ke atas dan bunyi yang didengar itu adalah beruang yang sedang memusnahkan sarang kelulut untuk mengambil madu.

"Beruang matahari ini bukan sahaja menceroboh kebun penduduk, malah pada masa sama turut memberi ancaman kepada penduduk terutamanya anak-anak kecil yang bermain di luar kawasan rumah," katanya.

"Beruang matahari ini bukan sahaja menceroboh kebun penduduk, malah pada masa sama turut memberi ancaman kepada penduduk terutamanya anak-anak kecil yang bermain di luar kawasan rumah"



MOHD FADHIL (Kiri) menunjukkan lot kelulut yang dimusnahkan beruang matahari di Kampung Air Asahan Hulu. - Gambar NSTP/Hazira Ahmad Zaidi

Rugi RM40,000 sarang kelulut dimusnah beruang

Haiwan masuk kawasan kebun rosakkan 140 lot diusahakan secara berkelompok

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Tanah Merah: Seramai 10 peserta Projek Ternakan Kelulut Berkelompok Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Kampung Air Asahan Hulu dan Kampung Asahan Tengah Kerugian kira-kira RM40,000 selepas sarang kelulut mereka dimusnahkan beruang matakari yang berlaku sejak bulan lalu.

Seorang peserta projek berkenaan, Mohd Fadhi Ibrahim, 35, berkata awal Mei lalu sebanyak 36 daripada 140 lot kelulut yang diusahakan secara berkelompok dimusnahkan beruang matakari yang memasuki kawasan kebun mereka.

Katanya, kemungkinan habitat haiwan itu terganggu dan

sukar mendapatkan makanan mendorongnya keluar mencari makanan selain musim panas dan kering menyebabkan bau madu sangat kuat dan mudah dididul beruang.

"Hampir semua lot kelulut yang dirosakkan beruang matakari ini sudah boleh dijual hasilnya untuk dijual di pasaran, namun kejadian di luar jangka menyebabkan kami kerugian sebanyak RM28,000.

"Ini pertama kali, haiwan ini merosakkan tanaman yang diusahakan penduduk sejak dua tahun lalu walaupun sebelum ini dilaporkan dua ekor beruang matakari betina dan jantan sudah ditangkap oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan dalam tempoh kurang seminggu.

"Kami masih tetap berjaga-jaga kerana dipercayai masih ada seekor lagi beruang dipercayai anaknya berkeliaran di kawasan kampung.

"Bagaimanapun, saya bertekad kasih kepada PERHILITAN kerana bertindak pantas dengan memasang perangkap selepas aduan dibuat dan dengan tangkapan dua ekor beruang ini

sekurang-kurangnya dapat memberi kelegaan kepada penduduk yang berada dalam kebimbangan selain mengelakkan KAMI menanggung kerugian berterusan," katanya ketika ditemui di Kampung Air Asahan Hulu di sini.

Seorang penduduk kampung, Abd Faizah Mat Yusoff, 54, berkata, sebelum ini, dia pernah terserempak dengan haiwan itu ketika dalam perjalanan untuk ke kebun bagi memberi makan kepada lembu peliharaannya.

"Namun, beruang matakari ini tidak bertindak agresif dan hanya memandang saya dari jauh dan ini menimbulkan perasaan bimbang. Beruang itu mungkin lapar dan datang ke kawasan perkampungan kami untuk mencari makanan," katanya.

Perangkap dipasang semula

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Nori'ni Yusoff, 65, berkata, dia berasa sedikit lega apabila PERHILITAN berjaya menangkap dua ekor beruang tetapi kini kembali bimbang apabila melihat perangkap yang dipasang jabatan itu di belakang rumahnya.

"Sebelum ini, saya beberapa



Mohd Fadhi (kiri) menunjukkan sarang kelulut yang dimusnahkan beruang matakari di Kampung Air Asahan Hulu, Tanah Merah.

(Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

kali pernah mendengar bunyi bisik di halaman rumah bermula jam 12 tengah malam ke atas dan bunyi yang didengar itu adalah beruang yang sedang memusnahkan sarang kelulut untuk mengambil madu.

"Beruang matakari ini bukan sahaja menceroboh kebun penduduk, malah pada masa sama turut memberi ancaman kepada penduduk terutama anak-anak kecil yang bermain di luar kawasan rumah," katanya.

Ahad lalu dilaporkan, PERHILITAN Kelantan berjaya menangkap seekor lagi beruang matakari jantan sekali gus meletakkan penduduk di Kampung Air Asahan Hulu.

Sebelum itu, pada 28 Mei lalu jabatan yang sama berjaya menangkap seekor beruang matakari betina di kawasan yang sama.

Almost 3,000 farmers affected by hot weather

KOTA BHARU: A preliminary drought report on the crop sector by the Agriculture Department recorded that 2,972 farmers in Kelantan were affected, involving the destruction of 7,467.42ha from March to May 15.

State Agriculture, Agro-food Industry and Commodities Committee chairman Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail said the department will apply for a proposed aid of more than RM5.56 million through the allocation of the Rice Crop Disaster Fund and the Agricultural Disaster Fund to ease the burden of farmers affected by crop damage.

"Kelantan Menteri Besar Datuk Mohd Nassuruddin Daud has also approved an immediate aid allocation of RM300,000 to build tube wells, water pump aid and other needs to help irrigate affected *padi* fields and farmers throughout Kelantan," he said during the state legislative assembly meeting at Kota Darulnaim Complex yesterday.

Tuan Mohd Saripudin said one of the state government efforts to deal with the drought disaster in Kelantan, particularly in assisting *padi* farmers, was to set up a *padi* planting schedule based on the irrigation scheme, as well as to clean and dig canals to ensure the smooth movement of water for farming use.

– Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2024	KOSMO	NEGARA	14

Penanaman akan dilakukan lebih awal elak padi musnah akibat kemarau

Peruntuk RM1.8 juta bantu pesawah



SIDANG DUN KELANTAN

Oleh ROSMIZAN RESDI

KOTA BHARU – Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan dana sebanyak RM1.8 juta melalui peruntukan pembangunan negeri di bawah Program Pembangunan Industri Padi bagi membantu pesawah terjejas akibat kemarau.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri, Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, peruntukan itu dikhaskan untuk kawasan padi luar jelapang dengan pembinaan parit-parit ladang dan menyalurkan pam air untuk keperluan pesawah.

Menurutnya, petani di luar jelapang juga akan dipastikan supaya dapat memulakan kerja-kerja penyediaan tanah serta penanaman dengan lebih awal.



SEBAHAAGIAN pesawah menunjukkan keadaan tanah di sawah mereka yang kering-kontang akibat kemarau di Pasir Putih baru-baru ini.

“Seperti yang ditetapkan dalam jadual penanaman mengikut musim iaitu musim utama 2023/2024 ialah pada Ogos 2023 sehingga Februari 2024 dan luar musim 2024 pada Mac 2024 sehingga Julai 2024.

“Penanaman pada awal musim akan dapat mengelakkan daripada musim kemarau yang kebiasaan berlaku pada Mac dan April setiap tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Mohd. Syahbuddin Hashim (**BN-Galas**) pada sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan Ke-15 di Kompleks Kota Darulnaim, di sini semalam.

Tuan Mohd. Saripudin berkata, seramai 2,972 petani telah terjejas akibat kemarau melibatkan kemusnahan seluas 746 hektar dengan cadangan nilaian bantuan sebanyak RM5.5 juta bermula Mac hingga 15 Mei lalu.

Katanya, Menteri Besar juga telah meluluskan peruntukan RM300,000 bagi bantuan segera untuk membina telaga tiub, bantuan pam air dan lain-lain keperluan dalam membantu pengairan kepada pesawah terjejas.

2,000 petani terjejas akibat kemarau

Kawasan kemusnahan melibatkan keluasan 7,467.42 hektar

KOTA BHARU



TUAN MOHD SARIPUDIN

Laporan awal kemarau terhadap sektor tanaman oleh Jabatan Pertanian merekodkan seramai 2,972 petani di Kelantan terjejas yang melibatkan kemusnahan seluas 7,467.42 hektar bermula Mac hingga 15 Mei lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, Jabatan Pertanian akan mengangkat permohonan cadangan nilai bantuan lebih RM5.56 juta melalui peruntukan Tabung Bencana Tanaman Padi dan Tabung Bencana Pertanian bagi meringankan beban petani yang terkesan dengan ke-rosakan tanaman.

"Selain itu, Menteri Besar Kelantan (Datuk Mohd Nassuruddin Daud) juga telah meluluskan peruntukan bantuan segera se-

Keadaan sawah di Tumpat yang kering-kontang akibat cuaca panas.



banyak RM300,000 untuk membina telaga tiub, bantuan pam air dan lain-lain keperluan dalam membantu

SIDANG DUN KELANTAN

pengairan kepada pesawah ser-ta petani terjejas di seluruh Kelantan," katanya. Beliau berkata demikian ke-

tika menjawab soalan Mohd Syahudin Hashim (BN-Galas) yang bertanya mengenai tindakan yang diambil kerajaan negeri dalam membantu pesawah terjejas akibat kemarau di Kelantan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kompleks Kota Darulhaim di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Tuan Mohd Saripudin berkata, antara usaha yang dilakukan pihaknya menghadapi situasi bencana kemarau di Kelantan terutama bagi membantu pesawah padi adalah menyusun jadual penanaman padi mengikut skim pengairan dan kerja-kerja pencuci serta meng-gali tali air.

Menurutnya, ia bagi me-mastikan kelancaran pergerakan air untuk kegunaan petani. - Bernama

Sungai Pengau mati angkara pencemaran, keladak

Tiada lagi kelibat sebarau, lampam

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT — Penduduk di tiga buah kampung kesal apabila Sungai Pengau yang menjadi sumber rezeki mereka kini tidak lagi mengeluarkan hasil apabila ibarat sudah 'mati' disebabkan pencemaran yang menyebabkan airnya berkeladak.

Arus air yang mengalir ke Sungai Tembeling dan kaya dengan spesies ikan liar bernilai tinggi itu kini dicemari sisa hutan serta lumpur yang dibawa dari hulu.

Mustapha Abdullah, 35, berkata, sungai itu suatu ketika dahulu menjadi syurga buat nelayan di Kampung Pagi, Lentun dan Kemplit.

Katanya, Sungai Pengau menjadi habitat hidupan mahall seperti ikan lampam, sebarau, badar, seluang, sia dan banyak lagi.

"Selepas kawasan hutan dibuka untuk pembalakan di kawasan hulu sungai sejak 20 tahun lalu, ia telah menyebabkan air menjadi keruh dan berkeladak sehingga menyukarkan penduduk menangkap ikan dan mandi-manda."

"Keadaan lebih teruk apabila banjir berlaku pada musim tengkujuh apabila air membawa lumpur dari kawasan tarahan hutan menyebabkan habitat spesies air terganggu sehingga kini," katanya



BEGINILAH keadaan Sungai Pengau di Jerantut yang tercemar dengan keladak dan reba menyebabkan tiada lagi habitat ikan liar di situ.

ketika ditemui.

Ahmad Ismail, 54, pula berkata, keadaan itu menyebabkan mereka tidak lagi memperoleh rezeki setiap kali menebar jala atau memancing.

"Kami hanya dapat menangkap

kap ikan di Sungai Tembeling sama ada untuk dimakan atau dijual," katanya yang bekerja sebagai nelayan sejak 35 tahun lalu.

Ujar Ahmad, Sungai Pengau kini terbiar kerana tidak boleh digunakan untuk beriadah atau

membasuh pakaian kerana dicemari lumpur dan reba kayu reput.

Bagi Baddin Abdullah, 60, Sungai Pengau tidak lagi boleh dilalui oleh bot gentian kaca dan perahu kerana banyak kayu dan

“

Keadaan lebih teruk apabila banjir berlaku pada musim tengkujuh apabila air membawa lumpur dari kawasan tarahan hutan menyebabkan habitat spesies air terganggu sehingga kini.”

pokok balak reput tersadai di tengah sungai.

"Kayu, reba termasuk pokok yang tumbang dihanyutkan air ketika banjir sebelum ini banyak tersadai di sepanjang sungai ini menyebabkan bot terkandas malahan sukar bagi penduduk menangkap ikan liar.

"Ketika zaman kanak-kanak, saya merasa suasana Sungai Pengau yang menjadi sumber kehidupan penduduk untuk minum, mandi, membasuh serta lokasi kami turun bermain serta berenang pada masa lapang. Tetapi kini ia sudah lenyap angkara pencemaran," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Tempahan lembu korban merosot

PASIR SALAK: Seorang penternak dan peraih lembu untuk korban sempena Aidiladha mendakwa tempahan lembu korban tahun ini merosot berbanding tahun sebelumnya.

Penternak tersebut, Misran Mister, 60, berkata, ini mungkin disebabkan faktor ekonomi semasa dan saingan lembu import dari Thailand yang dijual pada harga lebih rendah.

Menurutnya, setakat ini dia hanya menerima tempahan 15 ekor lembu menjelang Aidiladha tidak lama lagi berbanding antara 70 hingga 80 ekor lembu yang ditempah dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Katanya, keadaan itu menyebabkan dia tidak berani untuk mengambil stok lembu korban yang banyak kali ini.

"Suasana tempahan lembu untuk korban tidak seperti tahun lalu, kali ini saya rasai ia sangat berkurangan. Jika tahun lalu sebulan sebelum Aidiladha, tempahan sudah banyak sampai 70 hingga 80 ekor lembu tetapi setakat ini baru 15 ekor lembu yang ditempah."

"Saya tidak pasti punca tempahan lembu korban berkurangan, kemungkinan puncanya ialah orang kurang duit. Mungkin yang hendak korban membuat tempahan lembu dengan cara berkongsi tujuh bahagian untuk ibadah korban," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Hujung Rintis, Kampung Gajah, di sini semalam.

Menurutnya, selain itu, kekurangan tempahan ini juga mungkin disebabkan kemasu-

Kemasukan lembu import dari Thailand, menjejaskan permintaan untuk lembu korban tempatan."

kan lembu import dari Thailand yang lebih murah berbanding lembu tempatan.

Katanya, lembu tempatan dijual mengikut gred seekor sekitar RM3,700 hingga RM3,800 manakala lembu import dari Thailand bagi gred yang sama kira-kira RM3,200 seekor.

Jelasnya, kemasukan lembu import dari Thailand menjejaskan permintaan untuk lembu korban tempatan.

"Lembu import Thailand masuk ke negara ini dari Kelantan dan Padang Besar, memang ada peraih yang datang membelinya dan harganya murah sedikit berbanding lembu tempatan."

"Keadaan ini menjejaskan permintaan lembu tempatan dan ia semakin ketara tahun ini apabila tempahan yang saya terima setakat ini begitu merosot."

"Saya berharap kemasukan lembu import ini dipantau supaya tidak menjejaskan jualan lembu penternak tempatan," ujarnya.

Nelayan bimbang beting pasir semakin luas di Sungai Perak

TELUK INTAN: Nelayan darat di Sungai Perak di sini bimbang dengan pembentukan beting pasir di sungai tersebut yang semakin meluas, sekali gus menjejaskan pergerakan bot mereka.

Selain bot nelayan, bot membawa pelancong melawat Pulau Bangau di sini juga terkesan kerana beting pasir tersebut.

Beting pasir menyebabkan laluan sungai yang boleh dilalui bot semakin mengecil, selain penduduk bimbang jika keadaan itu semakin serius, ia boleh menjejaskan aliran air dan menyebabkan banjir.

Seorang nelayan darat, Musa Harun, 65, berkata, pembentukan beting pasir merupakan proses biasa di sungai tersebut namun sejak akhir-akhir ini beting pasir semakin meluas teru-

tama berdekatan tebing sungai. Menurutnya, beting pasir biasanya akan kelihatan apabila air sungai surut terutama pada musim panas.

"Kawasan pembentukan beting pasir di sini adalah laluan utama nelayan darat ke daerah Bagau Datuk selain digunakan bot pelancong ke Pulau Bangau serta bot memancing."

"Pembentukan beting pasir bukan sahaja di bahagian tepi atau tebing sungai tetapi sudah sampai ke tengah sungai. Ini menyebabkan sungai semakin cetek dan sukar dilalui bot," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, lebih membimbangkan beting pasir yang semakin meluas boleh menjejaskan aliran air Sungai Perak jika hujan lebat.



SEORANG nelayan menunjukkan keadaan beting pasir yang mula timbul di permukaan Sungai Perak di Teluk Intan. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Penduduk Kluang terpaksa beli beras import

Dua kali sebulan hantar 100 kampakit

Oleh ADNAN IBRAHIM

KLUANG – Isu ketiadaan beras tempatan di pasaran terus menghantui penduduk apabila sukar memperoleh bekalan walaupun terpaksa menjelajah ke seluruh pasar raya atau kedai runcit yang beroperasi di bandar ini.

Keadaan ini memaksa orang ramai untuk membeli beras import dengan harga RM38 ke atas dan secara tidak langsung meningkatkan kos perbelanjaan harian khususnya mereka yang mempunyai keluarga besar.

Seorang pekerja sebuah pasar raya, Roslan Ariffin, 35, berkata, bekalan beras tempatan di tempatnya bekerja hanya dihantar oleh pembekal dua kali sebulan dengan jumlah hanya

kira-kira 100 atau 150 kampakit (10 kg satu kampakit) setiap kali penghantaran.

Katanya, jumlah itu hanya mampu bertahan dalam tempoh tidak sampai satu hari walaupun penjualan dihadkan satu kampakit untuk setiap pembelian bagi satu keluarga.

"Bagaimanapun, di kedai runcit keadaannya berbeza apabila hanya menerima bekalan sekitar 50 kampakit sekali penghantaran untuk tempoh dua minggu sekali.

"Mana mungkin jumlah seperti ini mencukupi untuk bekalan kepada lebih 100,000 penduduk di bandar ini yang kebanyakan mereka dalam golongan B40," katanya kepada pemberita semalam.

Sementara itu, seorang pen-

duduk yang hanya mahu dikenali sebagai Hamzah, 40, berkata, keluarganya memerlukan tiga kampakit beras (30 kilogram) setiap bulan dengan kos sekitar RM115 dan jumlah itu jauh berbeza sekiranya menggunakan beras tempatan iaitu RM78.

Ujarnya, statistik pengeluaran beras tempatan yang diumumkan kerajaan berjumlah ratusan ribu tan sebulan seakan hanya angka semata-mata kerana dengan jumlah itu sewajarnya mampu menambah jumlah bekalan beras tempatan di pasaran.

"Kami berharap masalah ini akan dapat diatasi segera kerana dengan harga barang-barang keperluan tempatan yang semakin meningkat akan menambah beban kos perbelanjaan keluarga," katanya.



LAMBAKAN beras import yang memenuhi ruang jualan di sebuah pasar raya di Kluang semalam.

Makan pulut harum manis dalam ladang tarik pelancong

PADANG BESAR – Segmen agro pelancongan berasaskan harum manis mempunyai potensi besar untuk terus berkembang di Perlis sekali gus menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu.

Salah seorang pengusahanya ladang harum manis, Datuk Rick Cheng berkata, lot pertanian yang diusahakannya mencatatkan kehadiran 10,000 pengunjung pada musim ini pada Sabtu lalu.

"Di ladang saya di kawasan Bawah Bukit, Chuping di sini, kami meraikan pengunjung ke-10,000 dan keluarga bertuah itu dapat menjamu selera serta membawa pulang buah harum manis terbaik secara percuma.

"Saya menawarkan segmen agro pelancongan ini selari dengan kempen Tahun Melawat Perlis (TMPs) 2024/2025 dan mendapat sokongan daripada Pemangku Raja Perlis, Tuanku



RICK (enam dari kanan) dan **Mohd. Shukri** (lima dari kiri) meraikan pengunjung ke-10,000, **Muhammad Rusnizam** (tujuh dari kanan) di **Ladang Harumanis Harumango di Bawah Bukit, Chuping, baru-baru ini**.

Syed Faizuddin Putra Jamallullail serta kerajaan negeri," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ke-

tika sambutan 10,000 pelanggan ladang harum manis Harumango yang turut dihadiri Menteri Besar Perlis, Mohd. Shukri Ramli dan

pegawai kanan Jabatan Pertanian negeri.

Menurut Rick, buat masa ini terdapat tiga hingga empat pe-

ngusaha harumanis yang membuka kebun dan ladang mereka kepada orang ramai selain menjual keuntungan melalui jualan produk hiliran berasaskan raja mangga tersebut.

"Sekiranya lebih ramai pengusaha harum manis memperkayakan segmen agro pelancongan dengan membuka kedai makan dalam ladang berasaskan harum manis contohnya, ia juga mampu menarik puluhan ribu pelancong ke negeri ini

"Apabila lebih ramai pelancong datang, ia secara tidak langsung memberi tempias ekonomi kepada penduduk lain di negeri ini juga" ujarnya.

Dalam pada itu, Muhammad Rusnizam Abdul Rahim, 46, dari Kulim, Kedah menjadi pengunjung bertuah ke-10,000 dan menyatakan ia adalah kejutan baginya dan tujuh lagi anggota keluarganya.